



POLISI MENGHENTIKAN KERJA

ARUS SAWIT SDN. BHD komited dalam mengutamakan kecemerlangan terhadap Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan dan Alam Sekitar dalam semua aktiviti yang dijalankan di dalam Ladang Arus Sawit.

ARUS SAWIT SDN BHD akan sentiasa berusaha untuk melaksanakan setiap langkah yang sewajarnya untuk meminimumkan atau membasmi bahaya kesihatan pekerjaan, risiko kecederaan dan kerosakan harta benda atau persekitaran.

Adalah menjadi polisi ARUS SAWIT SDN BHD bahawa semua kakitangan, pekerja, kontraktor dan pembekal harus **BERHENTI KERJA** apabila berlaku keadaan/situasi yang akan:

- Membahayakan secara fizikal kepada diri sendiri dan / atau orang lain atau
- Menyebabkan kesan buruk terhadap harta benda dan persekitaran atau
- Melibatkan perubahan cuaca melampau atau bencana alam

Polisi ini mendapat sokongan penuh dari Pihak Pengurusan ARUS SAWIT SDN BHD. Apabila terdapat keraguan mengenai adakah pekerjaan harus diteruskan, kakitangan Arus Sawit serta pihak kontraktor atau pembekal harus segera memberitahu Pengurus Ladang untuk menilai keadaan berbahaya.

Kami memerlukan kakitangan, pekerja, kontraktor dan pembekal untuk menyokong polisi ini pada setiap masa.

**DR. LAWRENCE CHU
Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.**

Tarikh: 11 Januari 2024